

Rundingan setelah kaji surat

Oleh YUSRI SAHAT

PETALING JAYA 5 Mei — Malaysia akan mengadakan rundingan dua hala dengan Singapura bagi membincangkan isu-isu yang tertangguh setelah mengkaji secara mendalam surat Perdana Menteri republik itu, Goh Chok Tong kepada Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata, kajian yang dijangka selesai hujung bulan ini adalah perlu supaya kedua-dua pihak dapat mencapai kata sepakat apabila rundingan selanjutnya diadakan.

Menurut beliau, rundingan dijangka dimulakan di peringkat pegawai sebelum dilanjutkan ke peringkat menteri dan pemimpin tertinggi.

“Kita sedang mengkaji surat Chok Tong kepada Dr. Mahathir dan apabila kajian selesai, kita akan beri maklum balas kepadanya untuk membolehkan perbincangan di peringkat pegawai atau menteri dimulakan,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan Persatuan Kelab-Kelab Belia Malaysia (MAYC) Negeri Selangor di Kelana Jaya di sini hari ini.

Beliau mengulas persetujuan Malaysia untuk mengadakan rundingan dua hala dengan Singapura bagi menyelesaikan beberapa isu

tertangguh tetapi mengingatkan perlunya tolak ansur ke arah penyelesaiannya.

Dr. Mahathir berkata, penyelesaian sukar dicapai jika hanya Malaysia yang terpaksa memersetujui syarat pihak lain.

Utusan Malaysia dalam laporan muka depannya semalam melaporkan kenyataan Chok Tong bahawa negaranya berhasrat menyelesaikan segera isu-isu hubungan dua hala membabitkan Malaysia yang masih tertangguh bagi membolehkan kedua-dua negara bekerjasama menangani masalah yang melanda rantau ini.

Tarikh

Kata Chok Tong, beliau telah menyenaraikan beberapa tarikh untuk mengadakan pertemuan dengan Malaysia dan kini menanti maklum balas daripada Kuala Lumpur.

Syed Hamid seterusnya berkata, antara isu yang masih tertangguh ialah pembekalan air ke Singapura dan isu tanah Keretapi Tanah Melayu di republik itu khususnya di Tanjung Pagar yang turut melibatkan Pusat Pemeriksaan Kastam dan Kuarantin (CIQ).

Katanya, dua lagi isu yang masih dalam perbincangan antara kedua-dua negara ialah Skim Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF) yang melibatkan pekerja Malaysia serta

penggunaan ruang udara Malaysia oleh pesawat Tentera Udara Singapura (RAF).

“Masalah ini tidak boleh kita biarkan bertangguh. Kita perlu menyelesaikannya supaya kita boleh menjalinkan hubungan yang berpanjangan. Kita tidak boleh dihantui dengan masalah yang tidak selesai,” tegasnya.

Menurut beliau, Malaysia sentiasa bersedia menyelesaikan masalah-masalah berkenaan tetapi memerlukan tolak ansur daripada pihak Singapura.

Malaysia, tegas beliau, sentiasa berusaha mengurangkan perbezaan dengan Singapura supaya situasi menang-menang antara kedua-dua pihak dapat diwujudkan.

Mengulas kenyataan Menteri Luar, S. Jayakumar yang mendakwa bahawa nota bantahan Malaysia berhubung penambakan laut di sempadan kedua-dua negara yang diterimanya 30 April lalu tidak mempunyai fakta terperinci kesan keburukannya, Syed Hamid menjelaskan:

“Kajian terperinci terhadap kesan-kesan penambakan laut masih lagi dijalankan oleh beberapa pihak di negara ini.”

Katanya, kajian itu termasuk aspek hidrografi yang dijalankan oleh Kementerian Pertahanan dan alam sekitar oleh Jabatan Alam Sekitar.

PM Singapura